

Konvensyen Kelab Doktor Muda Peringkat Kebangsaan 2011, Kompleks Tabung Haji, Bayan Lepas, Pulau Pinang, 5 – 8 Julai 2011

Kelab Doktor Muda Kuala Lumpur turut menyertai Konvensyen Peringkat Kebangsaan 2011 yang telah diadakan di Kompleks Tabung Haji, Bayan Lepas, Pulau Pinang pada 5 – 8 Julai 2011 baru-baru ini.

Kontinjen negeri di ketuai oleh Cik Mariatul Umeera Binti Muhd Dahaban, Pegawai Promosi Kesihatan Negeri merangkap penyelaras Kelab Doktor Muda Kuala Lumpur dengan dibantu oleh En Mohd Sharique Bin Salleh dan En Halimun Al Firdaus Bin Zainudin yang merupakan kakitangan Unit Promosi Kesihatan, Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya.

Kontinjen Kuala Lumpur diwakili oleh 33 orang murid dan diiringi oleh 12 orang guru daripada 8 buah sekolah. Sayang sekali Kontinjen Negeri tidak berjaya merangkul sebarang kategori utama yang dipertandingkan. Walau bagaimanapun SK Seri Anggerik berjaya mendapatkan hadiah saguhati bagi pihak Kontinjen Negeri dalam pertandingan Sukan Maklumat yang diadakan semasa Konvensyen berkenaan.



Wakil Jabatan Pelajaran WP Kuala Lumpur, Tn Hj Fauzi sedang memberi penerangan terakhir kepada para peserta sebelum bertolak ke Pulau Pinang.

Album Sekitar Konvensyen Kelab Doktor Muda Peringkat Kebangsaan 2011, Kompleks Tabung Haji, Bayan Lepas, Pulau Pinang, 5 – 8 Julai 2011



Pelajar-pelajar SK Seri Anggerik sedang beraksi semasa Sukan Maklumat.



Adik Siti Aisyah Mohd Ridzuan mewakili Kuala Lumpur dalam Kategori Tokoh Doktor Muda.

Album Sekitar Konvensyen Kelab Doktor Muda Peringkat Kebangsaan 2011, Kompleks Tabung Haji, Bayan Lepas, Pulau Pinang, 5 – 8 Julai 2011



Adik Siti Aisyah Mohd Ridzuan bersama-sama calon-calon Tokoh Doktor Muda.



Sebahagian daripada peserta-peserta Kuala Lumpur yang hadir pada Majlis Perasmian Penutup Konvensyen.